

Keperluan Penyediaan Rancangan Tempatan Daerah (RTD) Rembau 2025 (Penggantian) disediakan selaras dengan Peruntukan Seksyen 16(1) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172). Ianya disediakan bagi menggantikan Rancangan Tempatan Daerah Rembau 2000-2010 yang telah tamat tempoh perancangan sehingga 2010.

Draf RTD Rembau ini disediakan oleh Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan dan Majlis Daerah Rembau dengan kerjasama Pejabat Projek Zon Selatan, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia . Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) adalah merupakan dokumen perancangan yang mengandungi Peta Cadangan dan Pernyataan Bertulis yang memperincikan cadangan-cadangan pemajuan tanah di seluruh kawasan pentadbiran Majlis Daerah Rembau sehingga tahun 2025.

Seiring dengan Semangat Malaysia : Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan, Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) disediakan bagi mengenalpasti, mengkaji dan menyediakan penyelesaian bagi permasalahan yang terdapat di Daerah Rembau dengan mengeksplotasi potensi-potensi yang ada bagi menyediakan satu perancangan jangka panjang yang dapat memastikan semua penduduk Daerah Rembau dapat menikmati pembangunan di kawasan-kawasan yang sebelum ini ketinggalan. Secara Kesimpulannya, perancangan pembangunan yang telah disediakan di dalam Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) ini adalah berteraskan kepada Pembangunan Institusi dan disokong oleh pembangunan Agro dan Eko Pelancongan selaras dengan potensi sedia ada yang mempunyai aset sumberjaya pertanian dan sumberjaya semulajadi terbesar bagi Daerah Rembau.



Keluasan	:	45,512.10 Hektar
Kependudukan	:	49,988 orang (2010) 51,800 orang (2025)
Lokasi	:	Bersempadan dengan Daerah Tampin, Daerah Port Dickson, Daerah Kuala Pilah, Daerah Seremban dan Daerah Alor Gajah(dibahagian Selatan Negeri Melaka)
Aksesibiliti	:	Lebuhraya Utara-Selatan, Jalan Persekutuan 1 & Laluan Keretapi
Koposisi	:	Perbandaran (12%)
Gunatanah	:	Hutan (25%) Pertanian (60%) Badan Air (3%)
Pihak Berkuasa	:	Majlis Daerah Rembau
Perancang Tempatan	:	
Pusat Petempatan	:	Bandar Rembau, Pekan
Utama	:	Pedas & Pekan Chembong

SUMBERJAYA ALAM SEMULAJADI DAN POTENSI DAERAH REMBAU



DRAF RANCANGAN TEMPATAN DAERAH REMBAU 2025 (P E N G G A N T I A N)



WAWASAN PEMBANGUNAN DAERAH REMBAU

“Pembangunan Berteraskan Institusi dan disokong oleh Pembangunan AGRO DAN EKO PELANCONGAN Ke arah Persekitaran kualiti Kehidupan Mampan”



KORIDOR PEMBANGUNAN PRIMER

1. Pusat Bandar / Pentadbiran
2. Pusat Perniagaan

LEMBAH INSTITUSI

ZON PERTANIAN MODEN

1. Pertanian Moden dan Berinovasi.
2. Akuakultur.
3. Penternakan.
4. Pertanian Komoditi



ZON KSAS / PEMELIHARAAN

1. Hutan Simpan
2. Eko-Pelancongan
3. Penyelidikan & Pembangunan (R&D)

ZON PERTANIAN KHAS

1. Lembah Pengeluaran Makanan

KORIDOR PEMBANGUNAN SEKUNDER

1. Koridor ini selari dengan Strategi Pembangunan Koridor dan Tumpuan Rancangan Struktur Negeri Sembilan.
2. Pembangunan terhad kepada kemudahan awam dan perumahan.


KONSEP DAN STRATEGI

“Konsep Pembangunan Tumpuan Mengikut Koridor”
dan bersandarkan kepada 3 Strategi pembangunan iaitu

Pusat Pertumbuhan, Koridor Pembangunan dan Zon Perancangan.



CADANGAN PEMBANGUNAN LEMBAH INSTITUSI



Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan :

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan adalah Jabatan Kerajaan yang bertanggungjawab dalam perancangan bandar dan desa di peringkat Persekutuan dan Negeri.

Antara peranan yang dimainkan adalah membantu Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan untuk merancang kawasan di bawah pentadbirannya seperti penyediaan Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK) bagi pelaksanaan perancangan dan pembangunan disesuatu kawasan.

Orang ramai adalah dijemput hadir untuk memeriksa laporan dan peta cadangan Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) serta berpeluang mengemukakan maklumbalas terhadap cadangan-cadangan yang terkandung di dalam Draf tersebut. Semua maklumbalas boleh dikemukakan secara rasmi kepada Majlis Daerah Rembau, Pejabat Daerah Dan Tanah Rembau; dan Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan dengan menggunakan borang yang disediakan. Selain itu, orang ramai juga boleh membuat pemeriksaan dan maklumbalas secara atas talian di laman web <http://www.townplan.gov.my>, www.mdr.gov.my atau <http://jpbds.ns.gov.my>

Daerah Rembau berpotensi dijadikan sebagai Bandar Dormitari kepada penduduk yang bekerja di daerah yang bersempadanan dengannya iaitu Daerah Tampin, Port Dickson, Kuala Pilah, Seremban dan Alor Gajah (Melaka) termasuk Lembah Klang.

Pelbagai produk dan destinasi pelancongan telah dikenalpasti akan dibangunkan dan ditambahnilai mengikut kekuatan serta keunikan untuk mengangkat Daerah Rembau sebagai sebuah destinasi Agro - Eko Pelancongan.

Pembangunan Hospital Rembau dijangka akan memberi banyak faedah kepada penduduk tempatan disamping cadangan sebuah kompleks sukan bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan penduduk.

Program Publisiti dan Penyertaan Awam:

Proses penggubalan Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) melalui beberapa sesi Focus Group Discussion (FGD) dan permuafakatan bersama penduduk tempatan termasuk orang berkepentingan lain seperti pemaui dan pemilik tanah yang telah diadakan pada 19 April 2012.

5 Teras Pembangunan RTD Rembau 2025 :

- 1 Petempatan Berkualiti**
Pembangunan petempatan bandar dan desa yang berkualiti, seimbang, berdaya saing dan saling melengkapi.
- 2 Komuniti Sejahtera**
Pembangunan perumahan dilengkapi dengan kemudahan masyarakat yang mencukupi, berkualiti di dalam persekitaran yang selamat.
- 3 Ekonomi Berdaya Maju**
Kepelbagaian sektor yang mempunyai rantai nilai tambah iaitu pertanian, institusi, perdagangan dan perindustrian.
- 4 Sumberjaya Mampan**
Memelihara dan memulihara sumberjaya secara mampan.
- 5 Pengurusan Efektif**
Perancangan dan pembangunan secara holistik.

Draf RTD Rembau 2025 (Penggantian) ini akan dipamerkan kepada orang awam terutamanya masyarakat setempat mulai 8 Mac 2013 sehingga 8 April 2013 pada waktu pejabat (8.30 pagi hingga 4.30 petang, Isnin hingga Jumaat) di tiga (3) tempat berikut:

- Majlis Daerah Rembau
- Pejabat Daerah dan Tanah Rembau
- Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Negeri Sembilan

